

**GARIS PANDUAN PEMERIKSAAN BAHASA MELAYU 1 – 1103/1
PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA TAHUN 2017**

Bahagian A [30 markah]

Lihat gambar di bawah dengan teliti.

Huraikan pendapat anda tentang manfaat-manfaat perhimpunan rasmi sekolah. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

Kehendak soalan:

1. Calon menghuraikan manfaat-manfaat perhimpunan rasmi sekolah.
2. Calon mesti menjawab berdasarkan maklumat yang diberikan.
 - Memupuk disiplin dalam kalangan pelajar.
 - Menanam semangat patriotik
 - Membudayakan kemahiran mencatat.
3. Sekiranya calon menambah isi yang keempat berkaitan dengan manfaat-manfaat perhimpunan rasmi sekolah, isi tersebut boleh diterima.
4. Soalan yang dikemukakan ialah manfaat-manfaat perhimpunan rasmi sekolah tetapi calon menulis secara umum sahaja, - masih menepati tugas dan impression turun sedikit. Markah maksimum **peringkat kepujian**.
5. Jika calon menulis tentang perhimpunan sekolah tanpa dikaitkan dengan manfaat-manfaat perhimpunan sekolah, markah maksimum **kurang memuaskan**.
6. Sekiranya calon tidak mengambil langsung isi yang diberikan, tetapi mengemukakan idea sendiri, markah maksimum **peringkat kepujian**.
7. Sekiranya calon mengambil satu isi dan menambah dengan isi lain, periksa seperti biasa.
8. Dalam konteks penandaan, pemeriksa boleh mengabaikan arahan panjang karangan antara 200 hingga 250 patah perkataan, sebaliknya berpegang pada masa menjawab 45 minit kerana kita tidak mahu menyekat daya kreativiti – calon di-samping memberikan keyakinan kepada calon yang tidak mempunyai kemampuan untuk menulis lebih panjang.
9. Karangan tidak sampai 200 patah perkataan tidak layak mendapat cemerlang. **Maksimum kepujian**.

Bahagian B [100 markah]

Soalan 1

Guru merupakan insan penting yang perlu dihargai disebabkan mereka menyumbang kepada pembentukan generasi cemerlang yang diperlukan oleh negara.
Huraikan cara-cara anda menghargai guru.

Kehendak soalan:

Calon perlu menulis peranan dirinya dalam menghargai guru.

1. Calon mesti menulis tentang:
 - 1.1 Sumbangan guru
 - memberi didikan - jadi rakyat berguna kepada negara
 - berkorban masa dan tenaga - kurikulum
 - membentuk generasi cemerlang
 - 1.2 Cara-cara menghargai guru
 - menziarahi guru
 - menjaga tutur kata
 - mematuhi disiplin
 - mengadakan sambutan hari guru – memberi hadiah
 - belajar bersungguh-sungguh
 - menjaga nama baik sekolah.
2. Jika jawapan calon secara umum atau tidak menyentuh peranan diri – tidak layak mendapat cemerlang – maksimum peringkat baik.

Soalan 2

Permintaan air bersih kian meningkat sedangkan sumbernya semakin berkurangan. Sebagai pengguna, kita berperanan penting untuk menjimatkan penggunaan air dalam aktiviti seharian.

Bincangkan langkah-langkah menjimatkan air.

Kehendak soalan:

Calon perlu menghuraikan langkah-langkah menjimatkan penggunaan air dalam aktiviti seharian oleh pengguna. Cadangan idea

1. Nyatakan cara pengguna menjimatkan air dalam aktiviti seharian. Cadangan jawapan:
 - penggunaan tandas – curahan rendah
 - keluarga – mendidik anak-anak mengguna air secara berhemah – mandi, mencuci kereta
 - penjimatan air di dapur – mencuci dan memasak
2. Calon membuat huraian tanpa menuliskan dengan aktiviti bertiuk markah maksimum peringkat kepujian.

Soalan 3

Pengangkutan awam di negara kita semakin tidak mendapat sambutan disebabkan beberapa faktor. Hal ini sudah pasti dapat diatasi dengan meningkatkan sistem pengangkutan awam di negara kita. Sehubungan dengan itu, anda ingin menulis sebuah rencana yang berjudul "Usaha-usaha Meningkatkan Sistem Pengangkutan Awam Negara."

Tulis rencana itu selengkapnya.

Kehendak soalan:

1. Karangan berformat rencana :
 - Tiada tajuk - 1 markah
 - Tiada nama penulis - 1 markah
2. Jika calon tidak menulis berdasarkan format rencana, walaupun karangan tersebut sangat cemerlang - tidak boleh diberi markah cemerlang. **maksimum - kepujian.**
3. Calon mesti menulis tugasannya tentang cara-cara meningkatkan sistem pengangkutan awam di negara kita. Cadangan idea :
 - Peranan SPAD - sistem tiket.
 - Pengusaha syarikat pengangkutan awam - kelavakan pemandu, jadual perjalanan, tambahan laluan
 - Kerajaan - memperbanyak jenis pengangkutan, memperkenal pengangkutan moden, menambahkan laluan, mengadakan pemantauan pada musim tertentu - JPJ, PDRM dan SPAD
4. Calon perlu menyatakan faktor sistem pengangkutan awam tidak mendapat sambutan. Sekiranya tiada - **maksimum peringkat kepujian.**

Soalan 4

Perkembangan industri pertanian dapat menambahkan pendapatan negara, membuka peluang pekerjaan dan meningkatkan imej Malaysia di mata dunia.

Huraikan pernyataan tersebut.

Kehendak soalan:

1. Calon perlu menghuraikan sumbangan industri pertanian kepada negara. Cadangan idea:
 - menambahkan pendapatan negara - eksport hasil pertanian - minyak sawit dan buah-buahan tempatan.
 - membuka lebih banyak peluang pekerjaan - pekerja dari dalam dan luar negara
 - meningkatkan imej negara - sebagai pengeluar produk pertanian dan tarikan pelancong dari dalam dan luar negara.
2. Sekiranya calon tidak kaifkan dengan dimensi antarabangsa, markah maksimum - peringkat kepujian.

Soalan 5

Peribahasa ‘serumpun bagai serai, selubang bagai tebu’ menggambarkan sikap bersatu hati dalam segala hal.

Jelaskan kelebihan-kelebihan mengamalkan sikap bermuafakat dalam kehidupan bermasyarakat.

Kehendak soalan:

1. Calon perlu membincangkan kelebihan-kelebihan sikap bermuafakat dalam kehidupan bermasyarakat. Cadangan idea :
 - Segala kerja / urusan menjadi mudah - jimat tenaga dan masa / lebih produktif dan berkualiti
 - Memupuk perpaduan / mengeratkan silaturahim / kemakmuran / politik stabil
 - Malaysia gah di mata dunia / masyarakat hidup dalam harmoni dan bertoleransi

Soalan 1 – Rumusan

Pendahuluan [2 markah]
Markah

- | | | | |
|----|--|-------------|---|
| P1 | Petikan membincangkan faktor-faktor / sebab-sebab kualiti alam sekitar di Malaysia. | kemerosotan | 2 |
| P2 | Petikan membincangkan faktor-faktor / sebab-sebab kualiti alam sekitar dan kesan-kesan yang timbul. | kemerosotan | 2 |
| P3 | Rumusan membincangkan faktor-faktor / sebab-sebab kualiti alam sekitar dan langkah-langkah menanganinya. | kemerosotan | 2 |
| P4 | Petikan / Rumusan membincangkan faktor-faktor / sebab-sebab kemerosotan alam sekitar. | | 1 |
| P5 | Petikan / Rumusan membincangkan punca-punca kemerosotan alam sekitar. | | 0 |

Isi Tersurat [4 hingga 12 markah]
Markah

- | | | |
|----|---|---|
| S1 | pelepasan asap kenderaan dan asap daripada sektor perkilangan | 2 |
| S2 | pembakaran terbuka tanpa kawalan | 2 |
| S3 | pembakaran hutan di negara jiran | 2 |
| S4 | pembuangan sisa toksik ke dalam sistem saliran | 2 |
| S5 | sikap pemilik kapal dan bot nelayan membuang minyak kotor ke laut | 2 |
| S6 | pengusaha sektor perladangan membuang baja kimia dan racun rumpai ke dalam sungai | 2 |
| S7 | individu membuang sampah sarap dan bahan buangan ke dalam sungai | 2 |
| S8 | pembinaan taman perumahan yang semakin pesat. | 2 |

Isi Tersirat [4 hingga 12 markah] **Markah**

- | | | |
|----|--|---|
| T1 | individu perlu bersikap prihatin terhadap kepentingan menjaga alam sekitar | 2 |
| T2 | peranan ibu bapa mendidik anak-anak | 2 |
| T3 | pihak sekolah menanam kesedaran tentang alam sekitar | 2 |
| T4 | Penglibatan pemimpin masyarakat | 2 |
| T5 | kempen kesedaran melalui media massa | 2 |
| T6 | kerajaan menguatkuasakan undang-undang | 2 |

Kesimpulan [2 markah] **Markah**

- | | | |
|----|---|---|
| K1 | Kesimpulannya, semua pihak perlu bekerjasama menjaga alam sekitar agar kesihatan masyarakat terjamin. | 2 |
| K2 | Kesimpulannya, kita perlu menjaga alam sekitar dengan penuh tanggungjawab. | 1 |

(Kesimpulan lain yang sesuai boleh diterima)

Soalan 2(a): Petikan Umum Markah

(i) Maksud

- tahap serius / kronik 2
- paras serius / kronik 1
- tahap kritikal 1

[Maksimum : 2 markah]

(ii) Kesan-kesan

- bacaan Indeks Pencemaran Udara meningkat
- hidupan semula jadi di dalam dan di pinggir laut musnah secara perlahan-lahan
- kejadian banjir kilat dan tanah runtuh kerap berlaku.

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iii) Sebab-sebab

- sikap masyarakat yang tidak prihatin / peduli
- kempen yang tidak menarik / bersungguh-sungguh / menyeluruh
- kurang sokongan daripada pihak lain / tiada kerjasama
- kempen tidak sampai kepada kumpulan sasaran

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 2(b) : Petikan Drama

i) **Tujuan Program Penghayatan Sastera dan Budaya (PPSB) diperkenalkan**

- memperkenalkan kepada pelatih / remaja tentang sastera dan budaya.
- agar pelatih / remaja mempunyai jati diri tersendiri tanpa mengikut acuan mana-mana individu
- agar pelatih / remaja mewarisinya dengan rasa megah

[Maksimum : 2 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

ii) **Cara-cara pihak media massa memupuk rasa cinta akan budaya warisan**

- menyiaran / menerbitkan lebih banyak hasil penulisan tentang budaya warisan
- menayangkan lebih banyak rancangan yang berunsurkan budaya warisan
- mempelbagaikan program yang berkaitan budaya warisan
- mengadakan kempen cintai budaya warisan secara berterusan
- mewujudkan laman sosial berkaitan budaya warisan

[*Jawapan lain yang sesuai boleh diterima]

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

iii) **Nilai murni dalam petikan**

- bertanggungjawab – sebagai seorang guru, Cikgu Dahari bertanggungjawab untuk menerangkan PLKN kepada murid-muridnya 1+1
- patriotisme / cinta akan negara – remaja perlu mencintai budaya warisan sebagai tanda cinta akan negara 1+1

Nilai murni dalam keseluruhan drama

- amanah – posmen menjalankan tugasnya dengan amanah iaitu menghantar surat kepada penerima 1+1
- kasih sayang – Nek Sinah melayan Aiman dengan penuh kasih sayang walaupun dia sekadar pembantu rumah sahaja 1+1
- berdikari – Aiman mahu membuktikan bahawa dia mampu berdikari apabila menyertai PLKN nanti 1+1

[*Jawapan lain yang sesuai boleh diterima]

[Maksimum : 4 markah]

Soalan 2(c) : Petikan Prosa Tradisional

(i) Maksud

- terlalu / sangat / amat banyak
- tidak terkira
- terlalu / sangat / amat terbilang

2
1
0

[Maksimum : 2 markah]

(ii) Tindakan Tun Umar

- pergi dengan sebuah perahu olang-oleng
- melanggar sekali perahu-perahu Siam
- berpatah-balik
- melanggar perahu-perahu Siam yang lain pula
- kembali ke Melaka

[Maksimum : 3 markah]
[isi cukup : 2 isi]

(iii) Usaha-usaha memupuk perniuaafakatan

- mengadakan program-program yang disertai oleh semua lapisan masyarakat
- sentiasa bersikap adil dalam membuat keputusan
- menggalakkan penubuhan jawatankuasa penduduk setempat

[*Jawapan lain yang sesuai boleh diterima]

[Maksimum : 3 markah]
[isi cukup : 2 isi]

Soalan 2 (d) : Sajak

(i) Dua sebab

- meratapi luka nasib bangsa
- bahasa Melayu yang berdarah

1
1

[Maksimum : 2 markah]

(ii) Peranan anda

- mengelakkan pembakaran secara terbuka
- tidak membuang sampah ke dalam sungai / merata-rata tempat
- tidak menggunakan beg plastik ketika membeli-belah
- menanam pokok / tumbuh-tumbuhan di sekeliling rumah
- menyertai kelab / persatuan berkaitan alam sekitar
- menyertai aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan
- menyertai Kempen Cintai Alam Sekitar

[*Jawapan lain yang sesuai boleh diterima]

[Maksimum : 3 markah]
[isi cukup : 2 isi]

(iii) Dua pengajaran

- Kita perlulah mengagumi kebesaran ciptaan Tuhan – apabila penyajak mendongak ke langit, melihat awan dan banjaran gunung, telah menimbulkan kekaguman kebesaran Ilahi.
- Kita perlulah menghargai keindahan alam semula jadi – penyajak berasa syukur kerana masih dapat menikmati keindahan alam semula jadi iaitu bunyi kicauan burung, desiran ombak dan pelangi.
- Kita perlulah inempertahankan jati diri anak bangsa – alam seolah-olah menangisi nasib anak bangsa yang kian pudar jati dirinya kerana pelbagai pengaruh daripada luar.

1+1

1+1

1+1

Kita perlulah-mendaulatkan bahasa Melayu – usaha perlu dilakukan secara menyeluruh dan berterusan

1+1

- Kita perlulah memulihara / memelihara alam semula jadi – kerakusan manusia menyebabkan kemusnahan khazanah hutan.

1+1

[Maksimum : 4 markah]
[isi cukup : 2 isi]

Jawapan 3(b)

- (i) Subjek : Pekerja-pekerja kilang itu

Predikat : dijedahkan dengan peralatan moden untuk membuat kerja-kerja di kilang.

- (ii) Subjek : Kelajuan kenderaan yang dibenarkan di lebuh raya

Predikat : 110 kilometer sejam.

- (iii) Subjek : Kami sekeluarga

Predikat : bercuti di Pulau Sentosa pada bulan yang lalu.

[6 markah]

Jawapan 3(c)**Kesalahan cjaan**

- | | | |
|---------------|---|------------|
| i) nenas | - | nanas |
| ii) jalanraya | - | jalan raya |
| iii) Agung | - | Agong |

Kesalahan imbuhan

- | | | |
|----------------|---|-------------|
| i) penanam | - | penanaman |
| ii) menghadkan | - | mengehadkan |
| iii) perkenan | - | berkenan |

[6 markah]

Jawapan 3(d)

- | | | |
|--------------------------|---|-----------------------|
| i) Perbuatan
di dalam | - | Kejadian
dalam |
| ii) kedua
emosi | - | kedua-dua
semangat |
| iii) inisiatif
di | - | insentif
pada |

[6 markah]

Soalan 3

Markah penuh 30 markah dibahagikan kepada:

Soalan 3(a) : 6 markah

Soalan 3(b) : 6 markah

Soalan 3(c) : 6 markah

Soalan 3(d) : 6 markah

Soalan 3(e) : 6 markah

Perhatian bagi soalan 3(a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Rangkai kata berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Rangkai kata digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Sengaja menambahkan imbuhan, berikan 0 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua rangkai kata digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas, berikan 0 markah.

Jawapan 3(a)

- (i) menyebarkan luas
 - menyebarkan sesuatu secara meluas
 - menyebarkan sesuatu dengan berbagai-bagai cara sehingga diketahui di serata tempat

- (ii) membaik pulih
 - memeriksa dengan teliti untuk membaiki atau memulihkan keadaan sesuatu alat / kenderaan / tempat / jentera dan sebagainya

- (iii) melipat ganda
 - menggandakan berkali-kali, memperbanyak, menjadikan bertambah banyak

- (iv) sahabat pena
 - sahabat menerusi surat sahaja

- (v) budi bicara
 - pertimbangan fikiran / pendapat

- (vi) budi pekerti
 - cara perlakuan / tingkah laku / perangai terhadap orang lain
 - nilai akhlak / moral / budi luhur

[6 markah]

Jawapan 3(e)

- i) ilmu itu pelita hati / ilmu pelita hidup / usaha tangga kejayaan
- ii) ingat sebelum kena, jimat sebelum habis
- iii) tiada beban batu digalas / mendukung biawak hidup

[6 markah]

Soalan 4**Markah penuh 15 markah****Panduan pemarkahan bagi soalan 4 (a)**

- (i) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari
- (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap
- (iii) Beri 1 markah bagi setiap peristiwa dalam novel.
- (iv) Beri 1 markah bagi setiap teladan / pengajaran yang menepati peristiwa tersebut.
- (v) Markah isi maksimum 4 markah
- (vi) Markah bahasa maksimum 3 markah
- (vii) Markah bahasa diberi secara *impression*
Baik : 3 markah
Sederhana : 2 markah
Lemah : 1 markah
- (viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa
- (ix) Calon tidak menjawab 0 markah

[Maksimum : 7 markah]

Panduan pemarkahan bagi soalan 4 (b)

- (i) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari
- (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap
- (iii) Beri 1 markah bagi setiap pernyataan persoalan kejujuran yang betul.
- (iv) Beri 2 markah bagi setiap huraian persoalan kejujuran yang lengkap dan betul.
- (v) Markah isi maksimum 6 markah
- (vi) Markah bahasa maksimum 2 markah
- (vii) Markah bahasa diberi secara *impression*
Baik : 2 markah
Lemah : 1 markah
- (viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa
- (ix) Calon tidak menjawab 0 markah

[Maksimum : 8 markah]

4a. Peristiwa yang boleh diteladani

Novel Pantai Kasih:

- Peristiwa: Raiha dan Uwang belajar bersungguh-sungguh untuk mencapai cita-citanya menjadi seorang doktor
Teladan: Kita perlu berusaha bersungguh-sungguh dalam mencari ilmu agar cita-cita kita tercapai
- Peristiwa: Raiha merawat Unong Siron yang mengalami sakit di sendi tulang pinggulnya dan melakukan pembedahan kali keenam dengan penuh bertanggungjawab
Teladan: Kita mesti menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan penuh amanah
- Peristiwa: Dr Raiha bertegas tidak mahu menggugurkan kandungannya walaupun telah dipaksa oleh suaminya.
Teladan: Kita mesti menjaga dan mengasuh anak dengan baik kerana anak merupakan anugerah Allah

(*Jawapan lain yang sesuai diterima)

Novel Bimasakti Menari :

- Peristiwa: Muhamad Taufik telah pergi ke stesen minyak Petronas untuk menemui lelaki yang tidak dikenali seorang diri dan akhirnya dia telah diculik.
Teladan: Kita perlu berhati-hati dan berwaspada sepanjang masa untuk menjaga keselamatan diri
- Peristiwa: Nurul Hafsa kecewa kerana hanya dapat melihat enam ekor kelip-kelip di Sungai Kampung Kuantan
Teladan: Kita perlu menjaga alam sekita agar tidak berlaku keimusanahan habitat haiwan
- Peristiwa: Pn.Wickham telah berkirim salam dengan Tan Sri Muhaimin dan memasak untuk mereka bertiga sebelum pulang mengikut rombongannya walaupun telah bercerai dengan Tan Sri Muhaimin.
Teladan: Kita perlu menjaga hubungan kekeluarguan agar bertambah erat

(*Jawapan lain yang sesuai diterima)

[Maksimum : 7 markah]

4b. Persoalan kejujuran

Novel Pantai Kasih

- Persoalan kejujuran dalam memberikan nasihat
Bapa Dr Raiha pernah menasihati Raiha agar tidak memilih kerjaya sebagai doktor bedah kerjaya itu hanya sesuai untuk orang lelaki sahaja. Bapanya juga tidak pernah bersetuju dia berkahwin dengan Dr Sadiz kerana sikapnya yang angkuh dan lebih tua daripadanya.

- **Persoalan kejujuran dalam melaksanakan tanggungjawab**
Dr Raiha menjalankan tugasnya sebagai seorang doktor dengan jujur. Atas arahan Dr Uwang, Dr Raiha terpaksa menjalankan pembedahan tulang pinggul Unong Siron kali keenam. Beliau tetap menjalankan tanggungjawabnya dengan jujur dan sabar demi memulihkan penyakit yang ditanggung oleh Unong Siron
- **Persoalan kejujuran seorang ibu untuk memulihkan kesihatan anaknya**
Ibu Unong Siron telah menghabiskan wang pampasan kemalangan ke atas Unong Siron untuk merawat dan menyembuhkan penyakit anaknya.
- **Persoalan kejujuran mengakui kesalahan yang pernah dilakukan**
Felicia Landosi telah meminta maaf daripada Dr Raiha kerana pernah bersubahat atas kematian Rahayu. Dia rasa bersalah dan telah menyesal atas perbuatannya.

(*Jawapan lain yang sesuai diterima)

Novel Bimasakti Menari

- **Persoalan kejujuran anak muda untuk melestarikan alam sekitar**
Nurul Hafsa dan Muhammad Taufik telah berusaha untuk mengembalikan langit gelap Kuala Selangor agar dapat mengembalikan bintang-bintang di langit Kuala Selangor dengan mengadakan projek Kawasan Simpan Langit Gelap di Kuala Selangor serta mencadangkan penggunaan lampu-lampu *full cut off*. Mereka juga mahu memastikan habitat kelip-kelip di Kampung Kuantan tidak musnah. Muhammad Taufik telah memagar sungai kawasan habitat tersebut agar tidak dimasuki oleh pelancong. Mereka melakukan usaha ini secara jujur demi melestarikan alam sekitar.
- **Persoalan kejujuran seorang wanita untuk memupuk semangat cinta akan alam sekitar kepada anak-anak**
Pn Maryam' Wickham merupakan seorang aktivitis alam sekitar yang sangat gigih sehingga sanggup membawa rombongan seramai 25 orang kanak-kanak dari Jepun untuk melihat bintang-bintang di Kuala Selangor. Beliau sentiasa memberikan sokongan kepada Muhammad Taufik dan Nurul Hafsa dalam usaha untuk melestarikan alam sekitar.
- **Persoalan kejujuran dalam menjalankan tugas**
Nurul Hafsa yang bertugas sebagai seorang pegawai sains di Balai Cerap Sultan Salahuddin, Bukit Melawati, Kuala Selangor telah menjelaskan kepada rombongan kanak-kanak dari Jepun yang tidak dapat mencerap bintang di Balai Cerap akibat cahaya di langit yang sangat terang. Beliau berjanji akan berusaha untuk memulihkan langit di Kuala Selangor supaya kembali gelap.

(*Jawapan lain yang sesuai diterima)

[Maksimum : 8 markah]